



# KENYATAAN MEDIA

**YB. DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID**

**TIMBALAN KETUA MENTERI 1 PULAU PINANG**

**MERANGKAP**

**YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG**

**PENGUMUMAN KADAR ZAKAT FITRAH  
ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP  
TAHUN 1445H / 2024M**

**5 MAC 2024 (SELASA) 10.30 PAGI  
DI DEWAN AN-ANSOR, MASJID AL-MUHAJIRIN,  
SEBERANG JAYA**

- 
1. Pada tahun 1444H / 2023M, Zakat Pulau Pinang (ZPP) menerusi Amil Zakat Fitrah yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah berjaya memungut sebanyak RM6.84 juta. Insya Allah, pada tahun ini pula, ZPP menyasarkan kutipan Zakat Fitrah sebanyak RM7 juta.
  2. Pada tahun ini, jumlah kariah dan pusat kutipan yang dilantik oleh MAINPP adalah sebanyak 237 kariah dengan jumlah amil yang ditauliahkan seramai 1,699 orang di seluruh negeri Pulau Pinang.
  3. Sempena Ramadhan pada tahun ini turut diserahkan saguhati pengimarahannya masjid bagi solat sunat Tarawih kepada masjid- masjid di negeri Pulau Pinang sebanyak RM2,000 dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM418,000.

4. Pada setiap tahun MAINPP akan mengumumkan kadar zakat fitrah kepada seluruh umat Islam di Pulau Pinang. Pada tahun ini, setelah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang dan diperkenankan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selaku Ketua Agama Islam bagi negeri Pulau Pinang, maka adalah dimaklumkan bahawa kadar harga Zakat Fitrah untuk Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1445H / 2024M ditetapkan dalam tiga (3) kadar dan perinciannya adalah berikut:-

- i. **RM7.00** – Beras Super Spesial Tempatan 5%, Beras Hancur, atau lain-lain yang setara dengannya.
- ii. **RM14.00** – Beras Rebus, Thai White Rice, Beras Putih Import, Beras Perang atau setara yang setara dengannya.
- iii. **RM21.00** – Beras Wangi, Beras Pulut, Beras Basmati, Beras Herba Ponni, Beras Calrose atau yang setara dengannya

5. Tiga (3) kadar zakat fitrah yang ditetapkan ini memberi peluang kepada umat Islam di Pulau Pinang yang memiliki kelebihan dari segi kemampuan menunaikan kewajipan membayar zakat fitrah mereka dengan kadar yang lebih tinggi mengikut kemampuan.

6. ZPP, MAINPP menasihatkan kepada umat Islam di Pulau Pinang agar membayar Zakat Fitrah mereka kepada Amil yang sah dan dilantik oleh MAINPP sebagaimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 16, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang 1996 seperti dibawah :

**Perkara 33** : Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberikuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan mahkamah hendaklah memerintahkan supaya pungutan itu dirampas dan dibayar ke dalam kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 90 (1) Enakmen Pentadbiran.

Dan;

**Perkara 34:** Mana-mana orang yang membayar atau menyebabkan supaya dibayar zakat atau fitrah kepada mana-mana orang yang tidak diberikuasa secara sah untuk memungut zakat atau fitrah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

7. ZPP menggalakkan agar umat Islam di Pulau Pinang dapat menunaikan zakat fitrah mereka melalui kaedah dalam talian yang disediakan seperti melalui Portal **zakatpenang2u.com** dan **JomPay**.

8. Segala urusan penerimaan zakat harta oleh ZPP seperti zakat pendapatan, zakat wang simpanan, zakat emas & perak dan zakat-zakat yang lain masih beroperasi seperti biasa di semua kaunter-kaunter perkhidmatan ZPP seluruh negeri Pulau Pinang mengikut waktu operasi yang akan diwar-warkan di saluran-saluran media sosial ZPP. Oleh itu, masyarakat Islam di Pulau Pinang boleh merujuk maklumat-maklumat ini menerusi semua platform media sosial milik ZPP seperti di Facebook, Instagram, Youtube, Tiktok, Twitter dan Telegram.

9. Akhir sekali, bagi pihak MAINPP dan ZPP, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadan Al-Mubarak 1445H. Tunaikanlah Zakat Fitrah bagi tahun 1445H / 2024M kepada Zakat Pulau Pinang (ZPP), Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

**YB. DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID**

*05 Mac 2024*

